

Headline	Usah berlengah buat rawatan		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	04 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	I-f8	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	201 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,322
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,966



Usah berlengah buat rawatan



BARU-BARU ini saya menerima e-mel daripada seorang lelaki homoseksual yang mengatakan kemaluannya mengeluarkan nanah dan berbau serta melekit-lekit hingga mengganggu keselesaan.

Daripada apa yang diketakannya, saya mengagak ia tanda lelaki berkenaan terkena jangkitan penyakit kelamin atau 'STI'. Cecair kuning yang berbau dan kesan pedih ketika membuang air kecil pula antara kemungkinan kesan jangkitan kepada saluran kencing.

Jangkitan hanya dapat dikenal pasti apabila cecair itu diambil untuk dikaji jenis kuman dijangkiti. Kemudian, baru rawatan sewajarnya dapat diberi.

Lelaki itu berkata, dia kuarir mendapatkan rawatan doktor kerana risau keputusannya, lalu memilih mendiamkan diri.

Bagi saya, pilihan itu membahayakan kesihatannya. Jika doktor mengenal pasti jenis jangkitan dialami dan memberi rawatan sewajarnya, penyakit terbabit akan pulih.

Perkara sebaliknya berlaku jika anda terus mendiamkan diri. Jika terkena jangkitan dan ia merebak ke dalam saluran kencing dan terus mara ke pundi prostat dan saluran sperma serta buah zakar, bahagian terbabit mengalami

keradangan dan bengkak serta kerosakan ketara kepada organ itu dan kesudahannya anda mungkin mandul.

Memandangkan anda mengamalkan aktiviti berisiko tinggi, kemungkinan besar jangkitan dialami lebih serius daripada jangkitan anda.

Kemungkinan juga anda dijangkiti beberapa jangkitan lain seperti Herpes, Hepatitis B, Gonorrhoea dan HIV kerana semua kuman dan virus ini dijangkiti melalui hubungan seks rambang.

Seks rambang untuk anda yang mengaku homoseks ialah seks oral dan seks anal (liwat). Namun dengan rawatan moden, jangkitan sakit kelamin boleh diubati.

Jika kebetulan anda juga terkena jangkitan kuman virus HIV, kini ada ubat dapat

mengawal penyakit terbabit untuk memberi kualiti hidup lebih sempurna.

Bagaimanapun, seks di luar tabii sentiasa memberi kesan kepada penggunaannya. Mungkin belum terlambat anda kembali ke pangkal jalan. Jika tidak, cuba dekatkan diri dengan tuhan bagi mendapatkan petunjuk-Nya.

Jangan berlengah mendapatkan rawatan doktor bagi menjalani pemeriksaan dan ujian darah serta mendapatkan rawatan sewajar.

Anda boleh pergi ke mana-mana hospital kerajaan untuk menjalani pemeriksaan dan ujian darah. Anda juga boleh berjumpa doktor di hospital swasta.

Jangan biar penyakit menular sehingga merosakkan sistem reproduksi anda.